

Kekalkan keaslian alam BM 02 AIG 1992 sekitar

KUALA LUMPUR: Keaslian alam sekitar perlu dilindung dan dikekalkan ketika melaksanakan sesuatu projek pelancongan dan pusat peranginan yang baru, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, pelaksanaan projek sama ada di kawasan hutan atau pembinaan infrastruktur dan kemudahan lain di pulau-pulau kecil hendaklah dirancang dengan teliti supaya keaslian alam sekitar tidak tercemar.

Dr Mahathir berkata, pemusnahan kecantikan persekitaran, terutama di pusat-pusat peranginan menyebabkan daya tarik Malaysia akan hilang dan pelancong asing tidak berminat datang ke negara ini.

Beliau berkata, perancangan yang rapi bagi setiap projek dan penerokaan kawasan baru akan membolehkan pelaksanaan pembangunan sektor pelancongan yang terurus serta tidak menjejaskan keadaan alam semula jadi.

"Saya percaya semua pihak sama ada rakyat atau pengusaha pelancongan, menyedari mengenai perlunya mengimbangkan kemajuan sektor pelancongan yang membabitkan pembangunan fizikal dengan keperluan melindungi dan mengekalkan keadaan alam sekitar.

"Pengusaha industri pelancongan tentu sedar bahawa pelancong asing terutamanya tidak datang untuk melihat bangunan yang ada di seluruh dunia,

tetapi mereka ingin menikmati keindahan alam semulajadi yang sudah tidak ada lagi di negara mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika melancarkan Kempen Publisiti Tahun Melawat Malaysia 1994, di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam tadi.

Beliau juga mengulangi nasihat supaya pengusaha pelancongan tidak bersifat tamak dan memberi layanan buruk kepada pelancong kerana tindakan itu akan membunuh industri pelancongan.

"Kita akan rugi akhirnya jika kita anggap pelancong hanya sebagai punca kekayaan kita yang perlu diperah habis-habisan secepat mungkin.

"Jika ini menjadi pendekatan kita, industri ini tidak mungkin tumbuh dan menolong meningkatkan pendapatan kita dan hasil negara secara berkekalan," katanya.

Dr Mahathir berkata, industri pelancongan di negara ini berpotensi tumbuh dengan pesat dan masih banyak kawasan menarik yang boleh diperkenalkan.

Menurutnya, warisan budaya dan seni di kalangan penduduknya yang pelbagai kaum serta hidup harmoni juga mempesonakan pelancong asing.

"Sejak diadakan Tahun Melawat Malaysia 1990, kegiatan kebudayaan dan kesenian semakin meningkat mutunya serta berjaya menarik penonton yang lebih ramai sejak," katanya.